

Dari Budaya Media

Mengangkat Suara Pinggiran di Sarawak



uni
PN
5449
S3
J51



JENIRI AMIR

Dari
Budaya
ke Media
Mengangkat Suara Pinggiran di Sarawak

Dari
Budaya
ke Media
Mengangkat Suara Pinggiran di Sarawak

Jeniri Amir

Universiti Malaysia Sarawak
Kota Samarahan
2005

Cetakan Pertama 2005

© Jeniri Amir

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.

Diterbitkan di Malaysia oleh
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan,
Sarawak, Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh
THE SARAWAK PRESS SDN. BHD.
Lot 231, Jalan Nipah, Off Jalan Abell,
93100 Kuching, Sarawak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Jeniri Amir, 1959-

Dari Budaya Ke Media : Mengangkat Suara Pinggiran di Sarawak / Jeniri Amir.
ISBN 983-9257-49-8

1. Newspaper publishing--Sarawak. 2. Mass media--Sarawak. 3. Mass media and culture--Sarawak. 4. Journalism--Sarawak. 5. Communication--Sarawak. I. Judul.
070.57220959522

Kandungan

Prakata	vi
Bab 1. <i>Dari Fajar Sarawak ke Utusan Sarawak</i>	1
Bab 2. <i>Utusan Sarawak 1949: Pencetus Semangat Nasionalisme</i>	32
Bab 3. <i>Cabaran Akhbar di Sarawak</i>	52
Bab 4. <i>Akhbar di Sarawak: Impian dan Kenyataan</i>	64
Bab 5. <i>Peranan Akhbar Dalam Memperkasa Bahasa</i>	74
Bab 6. <i>Rahsia Penulis Berjaya</i>	94
Bab 7. <i>Akhbar Wadah Integrasi Budaya</i>	105
Bab 8. <i>Dari Pinggiran ke Meta Naratif</i>	126
Bab 9. <i>Media Dalam Komunikasi</i>	151
Bab 10. <i>Pengukuhan Hegemoni Melalui Media</i>	169
Bab 11. <i>Sumbangan Penulis Bukan Melayu</i>	189
Bab 12. <i>Anjakan Suara Pinggiran Ke Pusat</i>	215
Bab 13. <i>Rujukan</i>	231
Bab 14. <i>Indeks</i>	237

Prakata

Akhbar dan komunikasi memainkan peranan penting dalam menanjakan budaya bangsa dalam era globalisasi. Sebagai wahana penting untuk mengungkapkan pelbagai isu yang menyangkut manusia dan masyarakat, akhbar dan komunikasi sering pula terbentur antara memenuhi objektifnya dengan beraneka macam cabaran yang tidak mungkin dapat dielakkan. Akhbar berhadapan dengan tugas berat untuk mendidik masyarakat dan memajukan budaya bangsa tatkala peranannya semakin dipertikaikan oleh masyarakat kerana kecenderungannya untuk tidak bersikap objektif dan cenderung mengutamakan berita yang memenuhi selera rendah dan aspek komersial demi kepentingan pendapatan daripada periklanan.

Dengan menyedari hakikat yang demikian, maka relevan ditanyakan dan dibahaskan fungsi akhbar dan komunikasi dalam membantu mendidik masyarakat, meneguhkan jati diri dan budaya bangsa. Budaya tidak akan dapat berkembang dengan subur tanpa dibantu oleh alat komunikasi, lebih-lebih lagi tatkala ia berhadapan dengan bukan sedikit cabaran. Pelbagai strategi dan langkah disyorkan dalam buku yang menghimpunkan kertas kerja dan esei yang telah dibentangkan dalam seminar peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa ini.

Buku ini akan dapat membantu pembaca untuk lebih memahami pelbagai peranan akhbar dan komunikasi serta budaya dalam kehidupan moden kerana persoalan tersebut dibincangkan dari pelbagai perspektif dengan menggunakan beberapa kerangka teori komunikasi dan media. Buku ini sesuai untuk bacaan mereka yang berminat dalam bidang media, komunikasi dan budaya, terutama pelajar di pusat pengajian tinggi.

Jeniri Amir

2005

Bab 1

Dari Fajar Sarawak ke Utusan Sarawak

SEPANJANG abad ke-20, kelahiran akhbar Melayu di Sarawak adalah disebabkan tuntutan sosiopolitik masyarakat Melayu. Akhbar lahir sebagai manifestasi daripada keinginan masyarakat untuk mengubah nasib bangsa yang “amat miskin dan daif”, terutamanya pada dekad 30-an ketika *Fajar Sarawak* menjelma. Meskipun berperanan sebagai wahana politik dan sosial, terutamanya dalam zaman moden, namun akhbar Melayu tidak dapat membebaskan dirinya daripada peranan klasiknya untuk memberitahu, mendidik, dan menghiburkan khalayak. Malah, akhbar Melayu dari mula lagi telah memainkan peranan utama dalam mengembangkan bahasa. Gaya kewartawanan berkembang dan berubah mengikut zaman, daripada yang bergaya “hikayat” dan teknik penulisan ala cerpen kepada yang berpegang pada teknik piramid terbalik dalam penulisan berita, sesuai dengan gaya kewartawan terkini.

Kalau di Tanah Melayu lahir *Warta Malaya* pada 1930, di Sarawak pula muncul *Fajar Sarawak*, setahun lebih awal dari akhbar *Majlis* di Tanah Melayu. Di Tanah Melayu pada dekad 30-an sahaja telah lahir sekurang-kurangnya 11 buah akhbar dalam bahasa Melayu, termasuk *Utusan Melayu* dan *Utusan Zaman* pada tahun 1939. Kebanyakannya berpangkalan di Pulau Pinang dan Singapura. Di Sarawak hanya muncul sebuah akhbar pada tempoh tersebut. Keadaan ini berbeza dengan akhbar dalam bahasa Cina. Dari 1913 hingga 1990, terdapat 64 buah akhbar dalam bahasa Cina diterbitkan. Malah dari 1913 hingga 1940 sahaja, terdapat lapan buah akhbar dalam bahasa Cina di Sarawak; tiga daripadanya berpangkalan di Sibu. Jumlah ini begitu luar

biasa jika dibandingkan dengan akhbar Melayu meskipun jumlah penduduk Cina di negeri ini masih rendah, iaitu 123,626 orang pada 1939 dan 229,154 orang pada 1960. Namun, kebanyakan akhbar itu tidak dapat bertahan kerana jumlah edaran yang terhad dan kedudukan kewangan yang tidak kukuh.

Sebelum Perang Dunia Kedua telah muncul akhbar seperti *Shen Won Kie Ming Sing Pao* (1913), *Xin Min Ri Bao* (1927), *Yue Feng*, *Gujing Xinwen Rikan*, dan *Harian Sarawak* pada 1937 yang kesemuanya berpangkalan di Kuching. Yang berpangkalan di Sibu ialah *Berita Harian Sibu* (1939). Bagaimanapun, kesemua akhbar harian dan mingguan berkenaan telah terkubur ketika Pendudukan Jepun di Sarawak. Dari 1945 hingga 1963, terdapat 30 akhbar dalam bahasa Cina; 12 daripadanya berpangkalan di Kuching, 14 di Sibu, dan empat buah lagi diterbitkan di Miri.

Fajar Sarawak merupakan akhbar Melayu pertama dan terakhir yang diterbitkan sebelum Perang Dunia Kedua di Sarawak. Akhbar itu lahir 54 tahun selepas akhbar Melayu yang pertama, *Jawi Peranakan* dilahirkan di Tanah Melayu. Akhbar dwibulanan *Fajar Sarawak* lahir dalam keadaan sosiopolitik yang membara dengan semangat kesedaran, termasuk semangat kebangsaan di kalangan masyarakat Bumiputera, terutama di kalangan intelektual. Golongan inilah yang menjadi penyemarak semangat kebangsaan dan membakar kesedaran supaya masyarakat bangkit daripada terus dibuai lamunan. Berada di barisan depan, antara lain ialah Muhammad Rakawi Yusuf, novelis yang mencatat sejarah dengan kelahiran novel *Melati Sarawak* pada 1932. *Fajar Sarawak* yang muncul sebagai akhbar pertama di Sarawak berpunca daripada kesedaran Muhammad Rakawi untuk memperjuangkan nasib anak bangsa. Beliau bernasib baik kerana mempunyai rakan-rakan yang mempunyai jiwa perjuangan yang sama, seperti Mohd. Johari Anang, Haji Abdul Rahman, Haji Daud Abdul Ghani, dan Mohammad Awi Anang. Syarikat Putera Sarawak milik Mohammad Awi ditubuhkan bagi mengendalikan urusan penerbitan akhbar tersebut.

Mengikut Haji Mohammad Hasbie Sulaiman (1989), tujuan penerbitan *Fajar Sarawak* adalah untuk meningkatkan syiar Islam, pendidikan dan kesedaran politik serta memupuk semangat perpaduan masyarakat Melayu dan berikhtiar untuk mengukuhkan muhibah sesama rumpun Melayu seluruh Nusantara. Meskipun diterbitkan dengan tujuan untuk membangkitkan kesedaran dan perpaduan dari segi sosiopolitik, ekonomi dan menegakkan

syiar Islam, *Fajar Sarawak* turut berperanan untuk mengkritik golongan pembesar Melayu. Golongan pemimpin tradisional daripada kalangan Datu ini yang mendapat perlindungan daripada pemerintahan Brooke atas alasan politik. Namun dengan kemunculan golongan muda yang terpelajar, kedudukan mereka mulai tercabar. Tentang pemimpin tersebut dan nasib yang menimpa *Fajar Sarawak*, R.H.W. Reece dalam artikel "The First Malay Newspaper in Sarawak" (*Sarawak Gazette*, April 1981) menyatakan:

...and instead of investing their capital in shops and business, which would employ other Malays, they seem to have been content to sit on their money or to spend it on fine houses, motor cars and lavish weddings. It was inevitable that even veiled criticism along these lines should offend the traditional leaders, who according to one account, allied themselves with the Brooke government to close *Fajar*.

Fajar Sarawak berjaya menyemai dan membangkitkan kesedaran tentang kedudukan daif sosioekonomi masyarakat Melayu hingga akhirnya ditubuhkan Persatuan Melayu Sarawak (PMS) pada 1939. Bagaimanapun, kritikan *Fajar Sarawak* terhadap golongan pemimpin Melayu yang berpengaruh itu telah memakan diri. Golongan Perabangan Melayu telah memberikan tekanan yang hebat kepada akhbar itu. Sebagai akibat daripada tekanan golongan berkenaan, *Fajar Sarawak* hanya dapat diterbitkan untuk 10 keluaran, bermula pada Februari 1930. Mungkin sahaja ada faktor lain, termasuk kurangnya sambutan pembaca kerana kadar celik huruf dan minat membaca yang rendah yang menyebabkan akhbar itu terpaksa ditutup.

Modal yang tidak cukup untuk menampung penerbitannya turut menyebabkan akhbar itu ditutup. Jumlah gratuti yang diterima oleh Rakawi tentu tidak dapat menampung kos pengurusan, penerbitan, percetakan, dan pengedarannya, lebih-lebih lagi dalam keadaan pendapatan daripada iklan yang rendah, sedangkan dari segi teori, tidak ada akhbar yang dapat hidup tanpa dukungan kuat daripada iklan. Kebanyakan iklan yang disiarkannya adalah bercorak iklan tempatan seperti perkhidmatan kedai runcit. Hal ini sesuai dengan perkembangan ekonomi pada waktu itu yang berdepan dengan zaman meleset, apatah lagi belum banyak syarikat besar yang ada di Sarawak pada waktu itu.

Dengan pendapatan iklan yang rendah, kos percetakannya tentu sukar ditampung dengan pendapatan jualan. Kos kertas pada zaman sukar seperti

itu juga tentunya melambung tinggi dan sukar diperoleh. Mohammad Dris (1988) mengemukakan lima andaian yang membawa kepada pemberhentian *Fajar Sarawak*. Antaranya, kandungannya yang kurang menarik dan tidak memuatkan isu semasa, pembacanya yang terhad, bahasa yang terlalu berbunga-bunga, sikap pihak pencetak yang pilih kasih hingga penerbitannya selalu terlambat, dan kemudiannya menimbulkan masalah pasaran serta kemasukan majalah dan akhbar dari Singapura dan Semenanjung. Dari segi berita, umpamanya *Fajar Sarawak* cenderung menyiarkan berita daripada akhbar di Singapura tentang peristiwa di Parsi, Turki, Afghanistan dan negeri-negeri lain di Timur Tengah. Hampir tiada langsung berita dari Tanah Melayu, Singapura dan jajahan Hindia Timur Belanda yang disiarkan.

Meskipun usia *Fajar Sarawak* singkat, iaitu dari bulan Februari 1930 hingga Jun 1930, namun kesediaan orang seperti Rakawi untuk mengorbankan wang gratutinya membayangkan kesedaran masyarakat untuk memperjuangkan nasib bangsanya. Yang menarik, akhbar tersebut menggunakan tulisan jawi kerana mereka sedar hanya dengan menggunakan tulisan jawi, seperti kelaziman akhbar lain di Tanah Melayu pada waktu itu, maka ia dapat mencapai matlamatnya. Langkah itu sekali gus meletakkan *Fajar Sarawak* sebagai akhbar yang berusaha untuk menyebarkan bahasa Melayu di kalangan masyarakat. Sebagai akhbar pertama dalam bahasa Melayu, tidak syak lagi *Fajar Sarawak* telah mencipta sejarah dalam perjuangan memperkenalkan dan menyebarkan bahasa Melayu di negeri ini.

Fajar Sarawak yang diterbitkan dua kali sebulan dimiliki oleh Syarikat Putra Sarawak yang dianggotai oleh lima orang, iaitu Mohd. Rakawi Yusuf, Haji Abdul Rahman, Mohd. Johari Anang, Tuan Haji Daud bin Abdul Ghani, dan Mohd. Awi Anang. Akhbar itu dicetak oleh Diocesan Press di Wayang Street, Kuching. Perbelanjaannya dibiayai oleh Rakawi hasil wang pencennya sebagai Pegawai Kastam. Ini membuktikan pengorbanan dan kesedarannya sebagai golongan terpelajar pada zamannya untuk mengubah nasib dan menyatupadukan masyarakatnya. Ternyata Rakawi telah mencatat sejarah bagi bangsanya, iaitu orang yang pertama melahirkan akhbar bahasa Melayu dan menghasilkan novel pada dekad ke-20 ketika sebahagian besar masyarakat masih lagi buta huruf dan alpa.

Di *masthead* akhbar itu terdapat moto “Perkhabaran Am, Pengajaran, Pengetahuan dan Penghiburan.” Di sebelah tengahnya pula terdapat catatan

“Fajar telah tersingsing, bangunlah wahai bangsaku”. Ternyata *Fajar Sarawak* mempunyai motif politik dan agama. Akhbar itu diterbitkan bukan semata-mata bagi faedah diri sendiri, tetapi bagi faedah ramai, yakni bagi mengkhidmatkan kaum dan bangsa ketika itu sangat mundur berbanding dengan bangsa asing.

Dalam ruangan “Ucapan Penerbit” dicatatkan bahawa kelahiran akhbar ini adalah berkat kebenaran daripada Kerajaan Sarawak dan juga berkat doa para pembaca “yang sangat gemar kepada kemajuan bangsa sendiri, maka terbitlah *Fajar Sarawak* yang sangat-sangat malam dan muram rupanya, mencuba menyinarkan cahaya di dalam mega yang kabus yang sedang menggelambungi pulau Borneo ini, iaitu pada masa Kerajaan Seri Paduka Yang Maha Mulia Raja kami.”

Kelahiran akhbar ini mendapat sambutan yang positif daripada masyarakat Melayu yang menjadi sasaran utamanya. Akhbar itu dibaca oleh kakitangan kerajaan, termasuk sejauh Simanggang (kini Sri Aman). Melalui surat kepada pengarang, para pembaca menyatakan kegembiraan mereka kerana dapat menatap akhbar pertama dalam bahasa Melayu. Pembaca mengharapkan agar akhbar tersebut dapat bertahan lama, dan “memberi kegunaan menunjukkan jalan kebajikannya yang sempurna bagi am atau mengingatkan daripada segala bahaya am... Moga-moga perlangkahannya mara perlahan-lahan membuka mata melihat bulan dan mata hari yang sedang memancar cahayanya di seluruh alam ini.”

Di sebelah kanan atas adalah alamat pejabat, diikuti nama anggota sidang editornya dan alamat telegram. Di sebelah kirinya pula disiarkan harga langganan dan kadar iklan. Kalau *Melati Sarawak* dicetak di syarikat percetakan yang dimiliki Abdul Rahman, seorang usahawan berketurunan Minangkabau yang turut mempunyai satu-satunya kedai buku Melayu, kita dapat mengagak bahawa *Fajar Sarawak* juga turut dijual di kedai tersebut. Bagaimanapun, belum diketahui setakat ini jumlah cetakan, edaran, pendapatan daripada iklan dan sejauh manakah akhbar itu diedarkan, memandangkan keadaan pengangkutan pada zaman itu amat terhad.

Dalam keluaran terakhir *Fajar Sarawak* bilangan 10 pada 16 Jun 1930 dinyatakan “*Fajar Sarawak* menemui ajalnya, namun pengorbanan dan komitmen anggota sidang pengarang patut menjadi contoh wartawan moden.” Ketika mengumumkan pemberhentiannya dinyatakan, “Sehabis-habis daya

usaha kami berusaha dan bekerja pada menyempurnakan amanat yang tertanggung atas kami dalam masa lima bulan sanat dan tiada mengambil faedah atau gaji satu sen pun jua.”

Zaman Pendudukan Jepun: *Khabar Harian Kuching*

Selepas berkuburnya *Fajar Sarawak* yang amat bersejarah itu, zaman pendudukan Jepun telah menyaksikan kelahiran *Khabar Harian Kuching*. Pengarang akhbar pertama dalam tulisan rumi itu ialah Johari Anang. Akhbar itu digunakan oleh tentera Jepun sebagai alat propaganda untuk memuji-muji kemegahan angkatan tentera Jepun dan gagasan Kemakmuran Bersama Wilayah Asia Timur. Salah satu tema propaganda Jepun dalam akhbar tersebut ialah menunjukkan kelemahan dan kegagalan Brooke dalam memajukan sosioekonomi rakyat Sarawak.

Akhbar mingguan itu memainkan peranan penting ketika Jepun berusaha untuk menghapuskan apa-apa yang bersifat keinggerisan, termasuk membakar dan memusnahkan buku dalam bahasa Inggeris. Bagaimanapun, masih banyak yang belum disingkap tentang akhbar ini dari segi editorial, pengurusan dan pengedarannya.

Pada zaman pendudukannya, Jepun tidak lagi membenarkan penerbitan lain. Menurut Mohammad Hasbie Sulaiman (1989), “Pada masa itu tidak ada surat khabar yang lain diterbit oleh orang awam kecuali yang dikeluarkan oleh tentera Jepun saja, alat pancaran radio diadakan di sudut-sudut bandar besar menyiarkan berita kegagahan tentera Jepun saja”.

***Utusan Asas* Berlidah Singkat**

Selepas terkuburnya *Fajar Sarawak*, Sarawak terpaksa menunggu selama 18 tahun sebelum menyaksikan kelahiran akhbar *Utusan Asas* pada 1948. Akhbar ini mendapat nama daripada sebuah angkatan, dan berusaha menjadi penyambung lidah gerakan angkatan tersebut. *Utusan Asas* menjadi wadah penerus perjuangan politik Ikhwan Zaini. Akhbar itu yang bernafas singkat bertindak lebih sebagai lidah rasmi Angkatan Semangat Anak Negeri Sarawak (ASAS) yang turut berjuang untuk menegakkan hak penduduk Sarawak. Sebagaimana perjuangan ASAS, *Utusan Asas* menyerlahkan warnanya yang

sebenarnya, iaitu menyokong usaha gerakan antipenyerahan. Namun, seperti nasib yang menimpa *Fajar Sarawak*, *Utusan Asas* turut tidak mendapat sambutan masyarakat dan pengiklan pada zaman sukar selepas Perang Dunia Kedua itu. Bagaimanapun, “sebab sebenar akhbar ini ditamatkan adalah kerana pemimpin-pemimpin ASAS dan organisasi inteligenia Melayu yang lain berasa bimbang dengan kandungan akhbar ini yang banyak menyentuh kegiatan organisasi ASAS.” (Dyg. Nuralan Awg. Raini, 2001: 25).

Kekosongan yang lama itu sebenarnya berpunca daripada sikap berhati-hati kerajaan Brooke untuk membenarkan mana-mana pihak untuk menerbitkan akhbar. Hal ini demikian, kerana Brooke perlu mengambil kira sensitiviti dan tekanan daripada pemimpin tradisional Melayu yang terasa terancam kedudukan mereka. Ketegangan hubungan antara golongan intelektual yang reformis dengan pemimpin tradisional yang konservatif ini dapat dilihat dari segi kesukaran yang terpaksa dihadapi oleh Persatuan Melayu Sarawak (PMS) dalam perjuangannya. Persatuan itu menghadapi masalah untuk bergerak kerana mendapat halangan daripada pemerintahan Brooke yang terpaksa berhati-hati menangani masalah itu supaya tidak menimbulkan kemarahan pemimpin elit tradisional Melayu. Masalah itu hanya selesai apabila PMS mendapat restu dengan memperoleh naungan daripada Datu Patinggi Abang Haji Abdillah dan Datu Amar Abang Haji Suleiman. Dengan lampu hijau itu sahaja, pihak Pendaftar Pertubuhan berani untuk mendaftarkannya, dengan syarat pertubuhan itu lebih bersifat sebagai pertubuhan sosial, dan bukannya pertubuhan politik.

Daripada nasib yang menimpa PMS ini, tidak hairanlah langkah mana-mana pihak untuk menerbitkan akhbar akan ditanggapi dengan penuh sangsi kerana akhbar dilihat dapat menggugat kedudukan pemimpin tradisional. Bagi mengekalkan kedudukan politik, pemerintahan Brooke tidak mahu mengambil risiko dengan mencetuskan perasaan kurang senang atau bertindak hingga menyebabkan golongan aristokrat, khususnya golongan perabangan berkecil hati. Justeru, sebarang percubaan untuk menerbitkan akhbar pada waktu itu disekat, apatah lagi tidak ada pihak yang berani mengambil risiko perniagaan yang terpaksa berdepan dengan risiko besar.

Kemunculan *Utusan Sarawak* pada 16 Januari 1949 adalah sebagai kesinambungan kepada perjuangan yang diasaskan oleh *Fajar Sarawak* dan *Utusan Asas*. Malah, kedua-dua akhbar tersebut mempunyai perkaitan yang

amat rapat sebagaimana yang dapat dikesan daripada notis dalam halaman pertama keluaran sulung akhbar itu:

Seperti yang telah dinyatakan dalam *Utusan Asas* pada 15 Ogos 1948, maka sudah tetaplah *Utusan Asas* itu berakhir dengan keluarannya pada tarekh termaalum. Dengan ihsan Penerbit Utusan Sarawak maka hak para langganan dan aalan *Utusan Asas* adalah kita serahkan kepadanya. Demikian jua hak *Utusan Asas* yang masih ada lagi dalam tangan para langganan hendaklah dijelaskan kepada Penerbit Utusan Sarawak, kita pohonkan. Pengerusi PPR ASAS.

Utusan Sarawak merupakan akhbar dwimingguan dengan moto “Oleh Rakyat Untuk Rakyat” - yang jelas memperlihatkan asas dan misi perjuangannya yang meletakkan kepentingan dan kebajikan rakyat di atas segala-galanya. Berdasarkan keluaran sulung dan keluaran tahun pertamanya, akhbar tersebut diterbitkan oleh Abang Ikhwan Zaini bagi pihak Ariff Press Company, dan dijual pada harga 10 sen senaskhah. Langganan setahun ialah RM2.40, dan pelanggan diminta menjelaskan bayaran terlebih dahulu. Melalui ruangan rencana pengarang, Ikhwan Zaini dalam keluaran sulung menjelaskan dasar dan pendirian *Utusan Sarawak*.

Utusan Sarawak adalah berdasarkan dasar bebas dan dengan dasarnya yang demikian dia akan membela segala keadilan dan kebenaran serta menentang segala kezaliman pergerakan² yang melampau dan yang berlawanan dengan undang² dan peratoran² yang biasa. *Utusan Sarawak* ialah akhbar raayat untok raayat. Dia sedia berkhidmat untok kewajipan dan keperluan raayat seluruhnya, serta bekerjasama dengan raayat untok menchiptakan chita² raayat yang bersesuaian dengan keadaan zaman atom sekarang atau yang sechochok dengan chita-chita yang ada pada segala bangsa yang sudah sedar dan insaf.

Meskipun akhbar itu mendakwa berpegang pada dasar yang bebas dan tidak terikat pada mana-mana parti atau pergerakan, namun pergolakan sosiopolitik yang menyaksikan perpecahan masyarakat Melayu kepada dua golongan - yang pro dan antipenyarahan - tidak memungkinkannya berpegang pada dasar tersebut. Mohd. Setar Mohd. Rani berpendapat bahawa “hasil berita dan tulisannya memperlihatkan kecenderungannya menyebelahi golongan inteligensia Melayu yang antipenyarahan...Kebanyakan penulisnya memperlihatkan sikap antipenyarahan Sarawak kepada Britain.”

Banyak berita dan rencana yang disiarkannya bersangkutan dengan isu sosiopolitik dan ekonomi. Ikhwan Zaini, pada tahun 50-an, misalnya banyak menulis rencana sosioekonomi, adat dan agama. Pada penghujung tahun 50-an dan awal 60-an beliau banyak menulis tentang persoalan yang berkait dengan politik, khususnya penubuhan Malaysia. Beliau menyuarakan pentingnya kaum Melayu meningkatkan pendidikan, perjuangan menentang dasar British dan komunis, serta pentingnya ekonomi kaum Melayu diperbaiki. Ikhwan bersikap objektif dengan tidak hanya menyalahkan pemerintahan British, tetapi turut meletakkan kemunduran Melayu pada sikap kaum mereka sendiri yang kurang bersatu padu, suka menjual tanah, dan suka membazir.

Halaman pertama keluaran sulung akhbar empat halaman itu memuatkan dua buah iklan, pertama iklan basikal dan yang kedua iklan radiogram. Terdapat dua buah cerita ringkas masing-masingnya bertajuk “Marshall dan Lovett Berhenti” yang memaparkan peletakan jawatan George Marshall sebagai Setiausaha Negara Amerika Syarikat dan peletakan jawatan Robert Lovett sebagai Setiausaha Rendah Negara. Halaman tersebut juga menyiarkan dua pemberitahuan penting, iaitu tentang *Utusan Asas* dan harapan pengarang terhadap pembaca *Utusan Sarawak*.

Ikhwan Zaini turut dibantu oleh adiknya, Abang Haji Abdul Latif, Mohd. Gol Safah, Dolhan Haji Paris, Mohd. Setar Mohd. Rani, Haji Adeng Mohsen, Razali Haji Busrah, Dayang Nahriah Abang Haji Zaini, Abang Haji Arabi, Abang Mohamad Rakawi dan beberapa orang lagi. Mulai 7 Mac 1949 akhbar tersebut menjadi akhbar mingguan manakala pada April 1952 menjadi dwimingguan, dan pada 1958 diterbitkan tiga kali seminggu. Untuk beberapa keluaran pada 1957, akhbar itu diterbitkan dalam enam halaman. Kekkerapan penerbitannya daripada bulanan kepada tiga kali keluaran seminggu mencerminkan sambutan masyarakat terhadap akhbar itu, dan kepentingannya dalam menyiarkan berita semasa pada zamannya. Pada akhir 1967, Ikhwan sebagai penerbit dan pengarangnya telah menjual *Utusan Sarawak* kepada Mohd. Gol Safah.

Setelah pemiliknya bertukar tangan, mulai 1968, akhbar itu menjadi akhbar harian dari Isnin hingga Sabtu dan tidak diterbitkan pada hari Ahad dan kelepasan am. Hanya mulai 3 Ogos 1969 barulah akhbar itu diterbitkan setiap hari sepanjang minggu sehingga menemui ajal pada 1970. Yang menarik

tentang akhbar ini ialah bagaimana kekerapan penerbitannya ditingkatkan dari semasa ke semasa, daripada bulanan hinggalah menjadi harian.

Persoalan keuntungan bukanlah menjadi perkiraan pertama menjelang tahun 1970 apabila akhbar itu secara tidak langsung menjadi lidah perjuangan parti politik pemerintah. Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub menguasai saham yang terbesar dalam akhbar tersebut. Ketika Ahmad Boestaman mengambil alih tugas sebagai ketua pengarang akhbar itu, jumlah cetakan adalah hanya 100 naskhah. Dengan jumlah cetakan hanya 100 naskhah tentu tidak mungkin untuk *Utusan Sarawak* bertahan. Bagaimanapun, jumlah itu meningkat kepada 1,000 naskhah beberapa lama kemudian, dengan sebahagian pembacanya ialah askar Melayu. Terkuburnya *Utusan Sarawak* dikatakan berpunca dari segi kelemahan bahagian pengurusan, periklanan, pemasaran, promosi, pengedaran dan editorialnya. Kata Ahmad Boestaman:

Tetapi malangnya jabatan pengarang saja yang aktif, sedangkan jabatan pengurusannya terus membeku. Tidak ada daya utama yang diusahakan. Iklan tidak dicari selain dari menunggu saja iklan datang ke riba. Penambahan wakil penjual tidak diusahakan melainkan memadai saja dengan yang sudah ada... Yang paling menyakitkan hati, adanya anggota-anggota parti Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub yang setiap hari datang untuk mengambil suratkhbar secara percuma. Kata mereka, sebagai alasan, mereka berhak mendapat naskhah percuma setiap hari kerana suratkhbar dipunyai oleh ketua parti mereka sendiri dan mereka adalah anggota-anggota parti ... Pemberita-pemberita yang bertugas pula, dalam jabatan pengarang, bukannya keluar untuk mencari berita, tetapi sebaliknya tinggal di pejabat saja menunggu datangnya siaran-siaran dari jabatan penerangan pemerintah dan berita-berita dari Bernama untuk mereka terjemahkan atau sunting sebelum dihantarkan ke bahagian pengatur huruf ... Bila akhirnya *Utusan Sarawak* dirasakan sukar untuk menutup perbelanjaannya tanpa sumbangan tetap yang bukan kecil dari Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub setiap bulan, maka diputuskanlah untuk memberhentikan saja penerbitannya dan disahkan menjadi mendiang.

Utusan Sarawak sentiasa konsisten dalam perjuangannya. Akhbar itu meletakkan kepentingan kaum Melayu sebagai paksi perjuangannya. Kalau pada 1949 dan 1950 akhbar itu rancak menyuarakan isu antipenyerahan, ia menyesuaikan peranannya pada pertengahan 50-an apabila persoalan politik banyak dibincangkan. Kerajaan penjajah membenarkan penubuhan parti

politik negeri. Dalam hubungan ini, *Utusan Sarawak* memainkan peranan pentingnya dalam politik Hasilnya ialah penubuhan Parti Negara Sarawak (PANAS) dengan Ikhwan Zaini bertindak sebagai salah seorang pengasasnya. *Utusan Sarawak* turut menyatakan sokongan padunya terhadap gagasan penubuhan Malaysia pada awal 60-an apabila Tunku Abdul Rahman mencetuskan idea tersebut.

Kematian *Utusan Sarawak* pada 1971, pada zaman pemimpin politik mempunyai kuasa untuk meneruskannya tentu boleh dianggap aneh. Tentang hal ini, Ahmad Boestaman (1979) menjelaskan “bila akhirnya *Utusan Sarawak* dirasakan sukar untuk menutup perbelanjaannya tanpa sumbangan tetap yang bukan kecil dari Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub setiap bulan maka diputuskanlah untuk memberhentikan saja penerbitannya dan disahkan menjadi mendiang”.

Bagaimanakah akhbar itu dapat bertahan selama lebih kurang 20 tahun di bawah pemilik terdahulu yang tidak mempunyai naungan politik dan perniagaan balak, sedangkan di bawah kepimpinan Rahman Yaakub selama lebih kurang dua tahun, akhbar tersebut tidak dapat bertahan? Dari segi ini, dapat dikatakan bahawa survival *Utusan Sarawak* sebelum itu adalah lebih kerana desakan dan keperluan sosiopolitik yang mencabar, serta komitmen pemilik, sedangkan kelihatannya di bawah kepemimpinan baru yang diutamakan ialah keuntungan. Walhal, dari segi politik, sebenarnya Rahman Yaakub amat memerlukan akhbar tersebut untuk tujuan propaganda dan pembentukan imej parti, serta bagi menyampaikan dasar parti dan kerajaannya. Wibawa akhbar yang kelihatan bebas meskipun dinaungi oleh ahli politik tentu lebih baik daripada akhbar lidah rasmi milik parti.

Kematian *Utusan Sarawak* pada 1971 merupakan suatu tragedi kepada masyarakat bumiputera dan perjuangan untuk mengangkat martabat bahasa Melayu di Sarawak. Masyarakat Bumiputera Sarawak bagai terputus lidah kerana tidak ada lagi media yang dapat menyuarakan aspirasi dan hati nurani mereka. Bagaimanapun, mulai 21 Mac 1975, akhbar tabloid *Sinar Sarawak* muncul menemui pembaca, dengan harga 20 sen senaskhah. Dengan moto “Memupuk Kesedaran Rakyat” akhbar itu mula-mulanya diterbitkan sebagai dwimingguan dengan 18 halaman. Bagaimanapun, moto tersebut diubah menjadi “Berikhtiar Untuk Kebahagiaan” pada keluaran 18 April 1975. Akhbar itu menjadi mingguan mulai 20 Mei 1975 tetapi penerbitannya terhenti

selama dua tahun mulai 18 Julai 1975. *Sinar Sarawak* hanya diterbitkan semula pada 1 Mac 1978 dengan menjadi akhbar percuma yang bertindak sebagai lidah rasmi Parti Pesaka Bumiputra Bersatu.

Selepas diterbitkan semula, *Sinar Sarawak* diterbitkan dua kali seminggu, kemudian menjadi mingguan, dan mulai bulan Julai 1978, akhbar itu menjadi akhbar harian meskipun tidak kekal dengan kekerapan itu. Sesuai dengan peranannya sebagai lidah rasmi parti, dan bukan sebagai akhbar bebas yang bertunjangkan kepentingan perniagaan, dasar, kandungan editorial, kekerapan penerbitan, jumlah halaman dan fokus *Sinar Sarawak* banyak dipengaruhi isu dan perkembangan politik di Sarawak, khususnya yang berkenaan dengan parti. Kekerapan dan jumlah halamannya, serta jumlah cetakan dan edarannya meningkat menjelang pilihan raya dan krisis tertentu.

Mengikut Jaraiee Sawal (1985) yang menemu bual Tuah Iskandar, salah seorang wartawannya, kalau dalam keadaan biasa *Sinar Sarawak* diterbitkan sekitar 10,000 naskhah, namun menjelang pilihan raya jumlah cetakannya meningkat kepada 30,000 hingga 50,000 naskhah, untuk diedarkan percuma kepada masyarakat sebagai propaganda. Jumlah halamannya bertambah daripada lapan halaman menjadi 12 halaman, malah 24 atau 32 halaman. Hasni Z dalam komennya tentang *Mingguan Sinar/Sinar Sarawak* pada 6 Jun 1980 menyatakan, "... sungguhpun 'formatnya' semakin hari bertambah baik dan belum pernah dilakukan oleh mana-mana akhbar berbahasa Malaysia di negeri ini yang telah terkubur sebelum ini, namun ia masih lagi diberi percuma". Sudah tentulah perkembangan seumpama ini menurunkan nilai "apa yang dikatakan sebagai sebuah akhbar".

Dalam tempoh ketiadaan akhbar harian tulen dalam bahasa Melayu selepas kematian *Utusan Sarawak* 1949, halaman bahasa Melayu menumpang kasih dalam akhbar bahasa Inggeris. Langkah memperuntukkan halaman bahasa Melayu telah dimula oleh akhbar *broadsheet* seperti *Vanguard* yang mulai terbit pada 1968 hinggalah akhbar itu menemui ajal pada awal 80-an. *The New Vanguard* (1971-1975) pula terbitan *The Vanguard Press* yang berpangkalan di Kuching menyediakan satu halaman dalam bahasa Melayu, dan turut memuatkan karya kreatif terutamanya puisi. Peruntukan ruangan Melayu ini sedikit sebanyak telah membantu memperkembangkan bahasa Melayu. *The Sarawak Herald* (1975-1979) yang berpangkalan di Sibu turut membantu mempopularkan dan memperkembangkan penggunaan bahasa

Melayu dengan memperuntukkan dua halaman dalam bahasa itu. Halaman dalam bahasa Melayunya sekali-sekala dimuatkan dengan karya sastra seperti puisi, cerpen dan ulasan.

The Borneo Post yang berpangkalan di Sibu mula terbit pada 24 April 1978. Dengan menyedari bahawa kewujudan halaman Melayu dapat membantu jualannya, akhbar itu menyediakan satu halaman penuh untuk ruangan Melayu. Hingga pertengahan dekad 90-an *Utusan Borneo* diterbitkan sebagai akhbar tabloid, tetapi kemudian ditukar bentuknya kepada *broadsheet*, mungkin sesudah menyedari kekangan format sedemikian. Pada 27 November 1976, *The Sarawak Herald* yang berpangkalan di Sibu telah diterbitkan dengan turut memperuntukkan dua halaman dalam bahasa Melayu. Pada 16 Mei 1981, *Malaysian Focus* yang juga berpangkalan di Sibu merupakan akhbar dwibahasa, dengan lapan halaman dalam bahasa Melayu pada keluaran sulungnya. Namun, seperti nasib yang menimpa *The Sarawak Herald*, *Malaysian Focus* hanya dapat bertahan untuk beberapa bulan sebelum terkubur pada November 1981. Selepas itu, pada dekad 80-an turut muncul akhbar *Borneo Sun* dan *People's Mirror*- kedua-duanya akhbar tabloid yang memuatkan beberapa halaman dalam bahasa Melayu.

Kemunculan sekadar halaman Melayu dalam akhbar Inggeris meskipun merupakan sesuatu yang perit bagi pencinta bahasa, selepas negeri ini mencapai kemerdekaan untuk sekian lama, namun langkah tersebut sekurang-kurangnya dapat mengembangkan penggunaan bahasa Melayu di Sarawak. Penerbit akhbar bahasa Inggeris pada waktu itu menyedari potensi halaman Melayu dalam usaha untuk menarik minat pembaca yang mula sedar akan kepentingan bahasa itu di tengah-tengah seruan supaya rakyat menguasainya. Hal ini dapat dibuktikan daripada langkah akhbar tersebut yang sentiasa berusaha untuk meningkatkan jumlah halaman Melayu, meskipun mutu penggunaannya masih kurang memuaskan. Namun, mereka sedar bahawa langkah tersebut tidak akan selamanya dapat bertahan kerana pembaca memerlukan akhbar yang lebih daripada sekadar mempunyai beberapa halaman dalam bahasa Melayu.

Berkait dengan kedudukan akhbar berbahasa Melayu di Sarawak, Jais Sahok (1988) menyatakan bahawaedaran *Sinar Sarawak* dan kekerapannya adalah terhad. *Utusan Sarawak* pula berdepan dengan masalah pasaran yang terhad "kerana pengendalian dan penyelenggaraannya menghadapi berbagai-

bagai masalah. Akhbar *The Borneo Post* yang memuatkan halaman *Post* bahasa Melayu sebanyak dua halaman tetapi mutu bahasa Melayu yang digunakan terlalu mengecewakan.”

Hakikat ini tidak mahu diterima oleh editor dan wartawan yang mengendalikan ruangan berkenaan pada waktu itu. Teguran betapa perlunya mutu bahasa yang digunakan dalam halaman tersebut diperbaiki telah mendapat respons yang keras daripada editor dan wartawannya hingga menjadi polemik antara penulis dengan wartawannya. Wartawan berkenaan menggunakan halaman dalam *The Borneo Post*, manakala penulis menggunakan halaman dalam *People's Mirror*. Bagaimanapun, Hamzah Hamdani (1984) mengharapkan dengan kemunculan *Utusan Sarawak*, *Mingguan Sinar* dan “Ruangan Bahasa Malaysia” dalam *The Borneo Post* serta majalah *Dewan Perintis*, maka “minat rakyat Sarawak terhadap penggunaan bahasa Melayu akan lebih semarak lagi.

Utusan Sarawak: Penyambung Lidah yang Terputus

Menyedari pentingnya akhbar harian sepenuhnya dalam bahasa Melayu, maka Gabungan Persatuan Penulis Sarawak (GPPS) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak (DBPCS) telah menganjurkan Seminar Persuratkhabaran Melayu Sarawak pada 25 dan 26 Oktober 1985 sempena Bulan Bahasa 1985. Dalam seminar itu dua buah kertas kerja telah dibentangkan, iaitu “Akhbar Berbahasa Melayu di Sarawak: Satu Analisis Peranan” oleh Jaraice Sawal dan “Akhbar dan Perkembangan Masyarakat” oleh Saice Driss. Satu forum bertajuk “Penerbitan Akhbar Berbahasa Melayu di Sarawak: Kedudukan Masa Kini dan Cabaran Masa Depan” juga diadakan. Ahli panel terdiri daripada Mahrus Ibrahim (Bernama), Abang Zainoren Abang Jess (*The Borneo Post*) dan Kaderi Jili (RTM). Seminar itu bertujuan untuk menimbulkan kesedaran masyarakat tentang peranan akhbar harian berbahasa Melayu terbitan tempatan dalam usaha untuk memperkembang bahasa Melayu dan memperluas penggunaannya di Sarawak, serta untuk mendapat penyokong dan pendukung tempatan bagi penerbitan akhbar berbahasa Melayu.

Seminar itu menyedari bahawa salah satu sebab bahasa Melayu lambat berkembang di Sarawak adalah kerana tidak terdapat sebuah pun akhbar

berbahasa Melayu yang benar-benar berkesan di negeri itu. Lagipun, sejarah penerbitan akhbar Melayu di Sarawak tidak pernah mantap. Hal ini, kata penganjur seminar itu, menyebabkan ketiadaan medium bagi penampungan fikiran rakyat dalam bahasa Melayu. Justeru, wajar difikirkan secara serius “bagaimana hendak melahirkan tradisi penerbitan akhbar berbahasa Melayu yang mantap agar bahasa Melayu akan dapat berkembang dengan lebih pesat di Sarawak.”

Sebelum itu, dalam keluaran 6 Jun 1980, *Sinar Sarawak*, Hasni Z melalui rencana “Sarawak Dahagikan Akhbar Berbahasa Melayu” menyatakan betapa perlunya negeri itu mempunyai akhbar Melayu. Beliau juga menjelaskan kesan dan implikasi daripada ketiadaan akhbar Melayu di Sarawak. Pada waktu itu, Sarawak mempunyai lebih 10 buah akhbar Cina dan empat akhbar Inggeris, manakala halaman bahasa Melayu hanya menumpang dalam akhbar bahasa Inggeris. Disebabkan ketiadaan akhbar sepenuhnya dalam bahasa Melayu, Hasni Z menyatakan bahawa, penyebaran fikiran Melayu, kegiatan seperti kesusasteraan Melayu dan penulisan pun terjejas. Beliau menyoal, apakah pandangan masyarakat lain dengan tiadanya akhbar berbahasa Melayu di Sarawak? Kata beliau:

“bukan sahaja mereka itu akan ‘ketawa’ malah akan menimbulkan suasana sedih kerana melihat bahawa Melayu Sarawak tidak mampu menerbitkan akhbar berbahasa Melayu untuk tatapan masyarakatnya sendiri... Dekad 80-an sudah menjangkau enam bulan usianya dan adakah dalam menjalani dekad ini juga ketandusan akhbar berbahasa Melayu di Sarawak ini harus terus dibiarkan tanpa ada rasa mahu membelanya.”

Saice Driss dalam kertas kerjanya menyatakan bahawa ketiadaan akhbar dalam bahasa Melayu membawa implikasi bahawa pertumbuhan kejiwaan masyarakat Melayu dan mereka yang menggunakan bahasa Melayu di Sarawak adalah kurang seimbang. Mereka juga kurang mengetahui alam sekitar sendiri sehingga lebih berasa dekat dengan perkembangan dan isu di tempat lain, daripada yang berlaku di negeri sendiri. Kata Saice:

Kita kurang percaya tentang tidak timbulnya kesedaran di pihak para pemimpin Sarawak terhadap situasi tempang itu. Tetapi kita kurang faham kenapa mereka yang kononnya pejuang bangsa itu enggan berkorban dalam bidang ini. Apakah mereka belum belajar daripada perkembangan di Semenanjung tentang peranan akhbar dalam perkembangan masyarakat?

Atau dibiarkan dengan sengaja masyarakat di dalam *doldrums* demikian agar tidak timbul banyak kerenah dan tuntutan? Situasi menjadi lebih pedih dan aneh apabila semakin banyak pula akhbar bahasa Inggeris diterbitkan walaupun setelah diisytiharkan penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya di dalam urusan rasmi negeri ini sesuai dengan kehendak perlembagaan.

Dalam halaman bahasa Melayu *The Borneo Post*, 13 Mac 1986, Saiee Driss menyatakan rasa terkilan beliau kerana sesudah 23 tahun Sarawak merdeka dalam Malaysia, belum terdapat lagi akhbar Melayu di Sarawak. Disebabkan ketiadaan akhbar tersebut, beliau berpendapat bahawa penggunaan dan penguasaan bahasa itu masih lambat, selain kurangnya ruang untuk penulis tempatan menyumbangkan karya dalam bahasa Melayu.

Hamzah Hamdani (1984) menyatakan bahawa media massa mempunyai peranan penting dalam memperkembang bahasa Melayu di Sarawak. Bagaimanapun, disebabkan sejarah penerbitan akhbar Melayu yang terputus-putus, maka perkembangan bahasa Melayu dalam bidang persuratan dan persuratkhabaran juga mengalami keadaan yang lebih kurang sama meskipun perkembangan bahasa Melayu dalam bidang persuratan sebenarnya tidak ketinggalan pada pemerintahan Brooke, malah semakin ketara apabila *Fajar Sarawak* diterbitkan pada tahun 1930.

Akhbar Menggalas Cabaran Baru

Tidak dinafikan bahawa akhbar arus perdana yang berpangkalan di Kuala Lumpur seperti *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* turut diedarkan di Sarawak dan telah sedikit sebanyak membantu menyebarkan dan memperkembangkan penggunaan bahasa Melayu di negeri itu. Namun kandungan editorialnya tidak banyak memuatkan berita tentang Sarawak. Akhbar itu juga lambat dan harganya lebih mahal sehingga edarannya sukar untuk mencecah 10,000 naskhah sehari. Keadaan lebih mendesak bagi Sarawak untuk mempunyai akhbar harian sepenuhnya dalam bahasa Melayu bagi meneruskan kesinambungan perjuangan yang telah dimulai oleh *Fajar Sarawak*, *Utusan Asas* dan *Utusan Sarawak* 1949. Keperluan semakin mendesak selepas bahasa Melayu diisytiharkan sebagai bahasa rasmi tunggal oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak pada tahun 1985 setelah ditangguhkan sebanyak dua kali pada tahun 1974 dan 1980.

Perisytiharan tersebut sekali gus menyebabkan semakin perlunya akhbar berbahasa Melayu di Sarawak bagi membantu usaha menyebarkan dan mengangkat martabat bahasa Melayu. Bagi mengimbis isu yang dibangkitkan berkait dengan bahasa Melayu, Abang Patdeli Abang Muhi telah menghimpunkannya dalam rencana "Isu-Isu Bahasa 1986" yang disiarkan dalam surat berita, bahasa, terbitan DBPCS yang mengandungi pandangan pemimpin politik, individu, pelaksana bahasa, peminat bahasa, pengguna bahasa, dan akhbar tempatan. Pandangan itu termasuklah masalah dan cadangan untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai sektor dan bidang. Yang relevan ialah pandangan Saiee Driss yang dimuatkan dalam *The Borneo Post* pada 13 Mac 1986 di bawah tajuk rencana "Akhbar Bahasa Malaysia di Sarawak Ditenggelamkan". Saiee berpendapat bahawa akhbar memainkan peranan yang penting dalam membantu usaha ke arah mempertingkatkan penggunaan bahasa Malaysia di kalangan masyarakat, melahirkan minat dan membentuk sikap positif selain menekankan pentingnya peranan yang dimainkan oleh penulis tempatan dalam menyumbangkan idea ke arah meningkatkan ilmu bahasa dan menyedari kepentingan bahasa Melayu.

Cabaran yang dihadapi pada waktu itu adalah untuk mengikis tembok psikologi yang menghalang penerimaan terhadap bahasa Melayu, membentuk sikap masyarakat agar menerimanya sebagai bahasa rasmi, meningkatkan penggunaan dan mutunya dalam pelbagai bidang, serta menjadikannya sebagai alat yang berkesan dalam bidang pentadbiran, sistem pendidikan, komunikasi, dan sebagai alat untuk menyatupadukan penduduk pelbagai kaum di negeri ini. Peranan besar untuk mengikis prasangka tentu lebih besar, dan bukan hanya terletak di bahu akhbar bahasa Melayu, tetapi juga akhbar bahasa Cina dan bahasa Inggeris.

Hal ini demikian kerana parti DAP cuba melobi dan mempengaruhi kerajaan dengan mendakwa bahawa masa belum tiba untuk bahasa Melayu diisytiharkan sebagai bahasa rasmi tunggal di Sarawak. Malah, DAP sampai membuat tinjauan di Kuching melalui telefon, temu bual dan pertemuan dari rumah ke rumah. Hasil tinjauan itu, DAP mendakwa bahawa 100 peratus daripada 1,000 orang yang ditinjau berpendapat mereka tidak bersetuju bahasa Melayu dilaksanakan sebagai bahasa rasmi yang tunggal. Maksudnya, DAP mahu bahasa Inggeris terus digunakan dalam pentadbiran kerajaan. Timbalan Pengerusi DAP Sarawak pada waktu itu, Sim Kwang Yang menyatakan

bahawa 2 Jun 1985 merupakan tarikh yang menyedihkan bagi penduduk Sarawak kerana hak mereka untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam urusan rasmi sejak merdeka akan terhakis. Beliau menyatakan bahawa pelaksanaan bahasa Melayu hanya akan menimbulkan kekecewaan dan rasa tidak puas hati, dan bukan dapat menimbulkan perpaduan.

SUPP, sebuah parti komponen Barisan Nasional turut mencadangkan agar bahasa Inggeris terus digunakan dalam pentadbiran kerajaan. Tindakan tegas kerajaan di bawah kepemimpinan Ketua Menteri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud mengisytiharkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi merupakan tindakan yang berani dan berpandangan jauh meskipun terpaksa berdepan dengan desakan dan tekanan pelbagai pihak, termasuk parti pembangkang agar perisytiharan itu ditangguhkan sekali lagi.

Sekurang-kurangnya, dari segi perancangan bahasa, langkah tersebut telah memenuhi peringkat pertama, iaitu membuat keputusan dasar tentang bahasa yang hendak digunakan. Langkah pertama membabitkan penyusunan strategi dan usaha untuk melancarkan dan melicinkan kegiatan perancangan bahasa. Peringkat kedua, sesudah perisytiharan tersebut ialah kodifikasi dan pemupukan, termasuk menyebarkan penggunaan bahasa yang betul dari segi ejaan, nahu dan seumpamanya. Pemupukan minat dan sikap yang positif juga dapat dikategorikan di bawah peringkat ini. Hal ini dapat dilaksanakan melalui pembentukan laras dan istilah baru. Malah penyerapan bahasa sukuan ke dalam bahasa Melayu merupakan satu lagi langkah ke arah memperkaya dan memantapkan bahasa tersebut.

Peringkat ketiga pula membabitkan aspek penilaian, iaitu meninjau kembali hasil dan kesan aktiviti perancangan dengan tujuan untuk membantu perancangan selanjutnya, selain memperbaiki kelemahan yang ada. Apa yang kita lakukan pada hari ini tergolong di bawah peringkat penilaian. Persoalannya, sejauh manakah akhbar telah memainkan peranannya dengan berkesan dalam usaha kita melaksanakan peringkat kedua, iaitu pengekodan dan pemupukan, termasuk dari segi pembentukan sikap seperti yang digagaskan oleh Joshua Fishman, seorang pakar dalam perancangan bahasa. Adakah akhbar berjaya memupuk laras baru dan mengintelektualkan bahasa itu, khususnya dari segi perbendaharaan kata, sintaksis, tatabahasa dan gaya? Adakah akhbar dalam bahasa Melayu membantu bahasa itu untuk mencapai tahap kematangan, termasuk dari segi taraf keindahan? Berjayakah akhbar